



Headline: Tiada bank buat pinjaman atas talian
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 12 February 2021

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 30

Tiada bank buat pinjaman dalam talian

SHAH ALAM: Polis mengingatkan orang ramai bahawa tiada bank yang membuat permohonan pinjaman secara dalam talian.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Selangor, Asisten Komisioner Muhammad Yazid Muhammad Yew berkata, mangsa didapati mudah terpedaya kerana mahu mendapatkan wang dengan kadar segera tanpa perlu melalui tempoh menunggu yang panjang.

“Contohnya bagi penjawat awam, apabila menghantar borang, pihak bank perlu meneliti semua aspek termasuk

kemampuan untuk membayar semula pinjaman,” katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Yazid berkata, sepanjang 2019, pihaknya membuat sebanyak 519 tangkapan dan daripada 734 kes, sebanyak 225 dituduh di mahkamah.

“Bagi tahun lalu pula, sebanyak 333 tangkapan dibuat daripada 695 kes dan sebanyak 269 kes daripadanya dituduh di mahkamah,” ujar beliau lagi.

Kata beliau tindakan menangani jenayah komersial ini bukan mudah kerana melibatkan dalam talian dan pelakunya sukar dikesan berbanding jenayah lain.